

KONSEP TA'ABBUDIY DAN MA'QULAT AL-MA'NA DAN KESANNYA DALAM PENGELUARAN HUKUM SYARAK SEMASA: ANALISIS APLIKASI DALAM OPERASI ZAKAT DAN PRODUK BERSUCI.

The Concept Of Ta'abbudiy And Ma'qulat Al-Ma'na And Its Effect In The Issued Of Current Syarak Law: Analysis Of Application In Zakat Operation And Purifying Products.

Ahmad Zakirullah Mohamed Shaaraniⁱ & Fidlizan Muhamadⁱⁱ

ⁱ (Correspondent Author) Pensyarah Kanan, Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35950 Tanjong Malim, zakirullah@fpe.upsi.edu.my

ⁱⁱProfesor Madya, Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35950 Tanjong Malim, fidlizan@fpe.upsi.edu.my

Abstrak	Abstract
<p>Ta'abbudiy dan Ma'qulat al-Ma'na adalah dua topik perbincangan para ulama Usul al-Fiqh dalam bab Qiyas dan ia mempunyai signifikan yang sangat tinggi dalam proses pembinaan dan pengeluaran hukum. Melalui kefahaman yang jitu tentang konsep Ta'abbudiy dan Ma'qulat al-Ma'na dan aplikasi keduanya maka ianya dapat membantu mereka yang terlibat dalam proses pengeluaran hukum menjana hukum yang menepati metodologi dan kaedah-kaedah istinbat hukum yang tepat, dan tanpa kefahaman yang jelas tentang ke dua konsep ini maka dibimbangi hukum-hukum yang dikeluarkan tidak menepati kehendak Syarak dan bertentangan dengan metodologi hukum yang telah digariskan oleh para ulama. Menggunakan metodologi kajian kepustakaan sepenuhnya, kajian akan cuba mengupas dua konsep ini dari segi maksud dan aplikasinya, begitu juga aplikasinya terutamanya dalam pengoperasian zakat dan produk bersuci. Hasil kajian mendapati bahawa Ta'abbudiy dan Ma'qulat al-Ma'na adalah dua konsep yang membincangkan tentang punca</p>	<p>Ta'abbudiy dan Ma'qulat al-Ma'na are two topics of discussion among Usul al-Fiqh scholars pertaining to Qiyas chapter and it is utmost vital in the process of developing and forming the Shariah law. Through a precise understanding of the concepts of Ta'abbudiy and Ma'qulat al-Ma'na and the application of both it will definitely assist those who are involve in deducing the law to produce a law which conforms to the correct methodology and accurate "istinbat" law practices. Without a clear understanding of these two concepts, it is feared that the Shari'ah laws issued do not comply with the requirements of Shari'ah and are contrary to the methodology of law that has been outlined by the scholars. Utilizing entirely the library research method, this study tried to analyze these two concepts by looking at its meaning and understanding, as well as its application especially in zakat operations and cleaning products. The research has found that the two concepts, Ta'abbudiy and Ma'qulat al-Ma'na are the concepts that discussed the origin of Shariah law that exists in the al-Quran and al-Sunnah. A significant number of current</p>

<p><i>hukum-hukum yang terdapat dalam al-Qur'an dan al-Sunnah sama ada ia mempunyai 'illah atau tidak. Banyak isu semasa boleh diselesaikan berdasarkan kefahaman tentang konsep ini dan aplikasinya melalui proses qiyas, termasuk antaranya isu berkaitan konsep dan operasi zakat semasa, juga dalam bidang ibadah; hukum penyucian menggunakan selain dari air dalam urusan bersuci/taharah, juga penggunaan tanah dan selain darinya untuk proses sertu dan sebagainya.</i></p>	<p><i>Shariah issues could be resolved based on the understanding of these two concepts and its application through the process of Qiyas, among the issues is the Shariah rules for the field of zakat and its current operationalization, also in the field of ibadah; i.e. rules for taharah/cleaning process using other than water, and using dirt/soil and others for the sertu cleansing process.</i></p>
<p>Kata kunci: <i>Ta'abbudiy, Ma'qulat al-Ma'na, Qiyas, sertu, 'Illah Qasirah</i></p>	<p>Keyword: <i>Ta'abbudiy, Ma'qulat al-Ma'na, Qiyas, sertu, 'Illah Qasirah</i></p>

PENDAHULUAN.

Bidang pengeluaran hukum adalah satu bidang utama dalam Islam yang sangat diberi perhatian lantaran kepentingannya dalam memastikan apa yang dibuat oleh umat Islam tidak bertentangan dengan Syariah. Melalui *ijtihad* dan istinbat hukum yang dilaksanakan oleh para mujtahid berdasarkan metodologi yang kukuh yang dipandu oleh dalil-dalil Syarak maka banyak isu-isu semasa berkaitan Syariah yang berjaya diselesaikan. Melalui *ijtihad* yang dilakukan ini juga, para ulama sebenarnya telah melaksanakan salah satu tugas mereka sebagai pewaris para-Nabi, iaitu pewaris dalam urusan pengeluaran dan penentuan hukum.

Dalam membincangkan tentang metodologi pengeluaran hukum, salah satu yang konsep yang diguna pakai dalam pengeluaran hukum ialah konsep *qiyas*. *Qiyas* merupakan salah satu metode pengeluaran hukum Syarak berdasarkan konsep persamaan antara dua perkara, baik persamaan pada sifat, keadaan, sebab, syarat dan sebagainya. Metode ini berasaskan wujudnya 'illah atau sifat yang jelas lagi konsisten pada sesuatu isu Syariah yang telah disebutkan hukumnya dan dalam masa yang sama pada pandangan seseorang *mujtahid* itu wujud pula sifat yang sama pada isu lain yang belum disebutkan hukumnya lalu dihubungkan di antara keduanya dengan cara mengguna pakai hukum bagi isu yang telah disebut oleh Syarak kepada isu yang belum disebutkan hukumnya, maka natijahnya hukum pada isu yang belum yang disebut (*far'lfuru'*) adalah sama seperti hukum isu yang telah disebut (*al-asl*) disebabkan adanya persamaan antara keduanya dari segi sifat dan 'illah. Inilah proses *qiyas*, dan hukum yang terhasil dari proses *qiyas* ini dikira sebagai sama seperti hukum yang terdapat pada *al-asl* disebabkan adanya persamaan antara keduanya dari segi 'illah (*al-Syirazi, t.th: al-Zarkasyi, 2007*).

Dalam membincangkan soal *qiyas*, salah satu topik yang dibincangkan oleh para ulama ialah berkaitan *Ta'abbudiy* dan *Ma'qulat al-Ma'na*. *Ta'abbudiy* bermaksud perkara yang tidak mempunyai 'illah atau punca hukum, yang mana ia disyariatkan dengan tanpa dapat difahami 'illah hukum di sebalik pensyariatan hukum tersebut. *Ma'qulat al-Ma'na* pula ialah sesuatu ketetapan atau hukum yang dapat difahami 'illah dan sebab penetapan hukum dan secara umumnya ia adalah konsep yang berlawanan dengan konsep *ta'abbudiy*.

KAJIAN LITERATUR

Mengenai topik *ta'abbudiy* dan *ma'qulat al-Makna* atau *ta'aqquli*, banyak didapati penulisan klasik dalam kitab-kitab Usul al-Fiqh dan kitab fiqh mazhab-mazhab telah dihasilkan dalam membincangkan topik ini, dengan perbahasan yang agak panjang lebar. Namun perbincangan tidak memfokus kepada isu zakat dan halal sahaja, juga tidak hanya bab *ta'abbudiy* sahaja tetapi lebih kepada perbincangan berbentuk konsep dan teori seperti mana halnya dalam perbincangan ilmu Usul al-Fiqh, dan secara sampingan sahaja dalam kitab-kitab fiqh mazhab. Bagi kajian semasa pula, tidak banyak penulisan yang menyentuh topik ini, kerana ia merupakan perbincangan yang agak teknikal dan mendalam dalam bidang Usul Fiqh.

Namun di sana terdapat juga beberapa kertas kerja berkaitan kedua-dua tajuk di atas, antaranya ialah kertas kerja yang bertajuk "*Konsep al-Ta'abbudiyah dan Kepentingannya dalam Undang-undang Islam Semasa*" oleh Wan Mohd Yusof dan Wan Chik Abdul Karim Ali (2015). Penulisan ini menjelaskan konsep *al-ta'abbudiy* dan kepentingannya dalam berinteraksi dengan isu-isu perundangan Islam semasa dan peranannya dalam ijtihad. Dari sudut ini ia mempunyai persamaan dengan topik yang cuba di bawakan penulis namun makalah ini hanya membincangkan konsep dan peranan *ta'abbudiy* mengenai hukum Islam secara umum, tanpa memusatkan perhatian pada aplikasi khusus perundangan Islam.

Juga penulisan yang bertajuk "*Konsep Ta'aqquli dan Ta'abbudi dalam konteks hukum keluarga Islam*" (Abdul Qodir Zaelani, 2014) yang mana penulisan ini mengupas tentang konsep dan aplikasi *ta'abbudiy* dan *ta'aqquliy* dan juga menganalisis tentang kesesuaian pemilihan hukum-hukum sama ada berpaksikan *ta'abbudiy* atau *ta'aqquliy/ma'qulatu al-ma'na* berdasarkan keperluan semasa. Penulisan ini adalah satu penulisan yang agak baik dalam mengupas persoalan tentang isu ini, namun hanya terfokus kepada hukum hakam berkaitan kekeluargaan sahaja dan tidak menyentuh hukum-hukum dalam bidang lain.

Juga penulisan yang bertajuk “Konsep Ta’abbudiy dan Ta’aqquliy dan implikasinya terhadap perkembangan hukum Islam” (La Jamaa, 2013) adalah dikira sangat baik dalam mengupas kedua konsep ini termasuk dari sudut teori Usul al-Fiqh dan bagaimana fungsinya dalam perundangan Islam dengan membawakan contoh-contoh berkaitan isu. Namun berbeza dengan apa yang ingin dibawakan di sini iaitu fokus penulisan ini adalah kepada zakat dan produk halal Islam semasa sahaja. Juga penulisan bertajuk “Pendekatan Keilmuan Terhadap Fenomena Keagamaan” oleh Erwin Jusuf Thaib (2020) yang mengupas persoalan tentang fungsi akal dalam menanggapi persoalan-persoalan yang berlaku termasuk dalam hukum-hakam Islam.

Selain itu juga, perlu dinyatakan di sini bahawa pemilihan bab zakat dan bersuci sebagai fokus kajian selain adalah melihat kepada kepentingan keduanya, ianya juga sebagai bukti bahawa kedua konsep ini terpakai dalam semua bidang Syariah, sama ada dalam bidang kewangan, ibadah dan sebagainya.

DEFINISI TA‘ABBUDIY DAN MA‘QULAT AL-MA‘NA.

Ta‘abbudiy bermaksud sesuatu hukum-hukum Syarak yang tidak diketahui *Ma‘na* atau sebab atau ‘illah disebalik pensyariatannya, yang mana seseorang itu dituntut melaksanakan sahaja apa yang diperintahkan tanpa perlu mengetahui ‘illah atau sebab disebaliknya. Antara definisi yang diberikan oleh ulama berkaitan *ta‘abbudiy* ialah:

“*Ia adalah sesuatu yang tidak diketahui oleh akal tentang maksudnya, sama ada ia berkaitan bab ibadah, atau selainnya*”. (al-Bakri, t.th)

Berdasarkan definisi di atas, apa-apa hukum Syarak yang tidak dapat difikirkan apakah ‘illah disebaliknya maka ia dikatakan sebagai *ta‘abbudiy*, dan apa-apa yang diketahui punca atau ‘illah hukum maka ia bukan termasuk dalam hukum *ta‘abbudiy* bahkan ia adalah *ma‘qulat al-Ma‘na*. (al-Syafie, t.th)

Selain dari maksud *ta‘abbudiy* seperti yang disebutkan di atas, *ta‘abbudiy* juga membawa maksud menjadikan sesuatu itu termasuk dalam kategori ibadat, atau sumber kepada sesuatu ibadat itu sendiri, tanpa mengira bahawa ia adalah sesuatu yang mempunyai ‘illah atau yang tidak. Ianya seperti apa yang disebutkan oleh para ulama *Usul al-Fiqh* bahawa sesuatu itu boleh diterima sebagai sumber *ta‘abud*, iaitu sumber dalam menetapkan sesuatu hukum Syarak (al-Syirazi, t.th: al-Baghdadi, 1996), dan penggunaan *ta‘abbudiy* dengan maksud ini banyak digunakan oleh para ulama *Usul al-Fiqh* berbanding dengan penggunaannya di sisi ulama fiqh.

Bagi penggunaan perkataan *ta'abud* di atas, para *usuliyun* lebih melihat kepada sesuatu yang bermaksud ibadah itu sendiri, sama ada ia mempunyai *'illah* atau yang tidak mempunyai *'illah*, seperti apa yang disebutkan oleh al-Baghdadi (1996) di atas. Manakala penggunaan *ta'abbudiy* dengan penambahan *ya nisbah* di sisi mereka, ianya lebih kepada penggunaannya dengan maksud sesuatu yang tidak mempunyai *'illah*, bersesuaian dengan apa yang cuba dibahaskan dalam penulisan ini. Bagi para fuqaha pula, apa yang mereka maksudkan dengan perkataan *ta'abud* ialah sesuatu hukum yang bersifat *ta'abbudiy* iaitu sesuatu yang tidak diketahui *'illahnya* dan bukan menjadikan sesuatu itu sebagai ibadah sebagaimana kefahaman para ulama Usul. (al-Juwayni, 1979; Zarkasyi, 2007).

Sebagai rumusan dalam hal ini, *ta'abbudiy* di sisi para Usuliyun adalah sama dengan *ta'abud* di sisi para fuqaha, manakala *ta'abud* di sisi para Usuliyun adalah berbeza penggunaannya dengan maksud di sisi para fuqaha.

Walaupun terdapat dua maksud penggunaan perkataan *ta'abbudiy* sepertimana yang telah dibincangkan sebelum ini namun yang menjadi fokus dalam penulisan ini ialah *ta'abbudiy* yang bermaksud sesuatu ibadah yang tidak dapat diketahui *'illahnya*, atau istilah *ta'abud* di sisi para fuqaha, dan bukan *ta'abbudiy* yang bermaksud sumber ibadah atau *ta'abbudiy* yang bermaksud ibadah-ibadah Syarak sendiri secara umum sebagaimana yang banyak digunakan oleh para ulama *Usul al-Fiqh* dalam penulisan mereka.

CIRI-CIRI TA'ABBUDIY.

Ta'abbudiy mempunyai beberapa ciri-ciri tertentu, yang membezakannya dengan hukum-hukum yang mempunyai *'illah* atau *Ma'na* disebalik pensyariatannya (*ma'qulat al-ma'na*) dan antara ciri-ciri *ta'abbudiy* ialah:

- i. Ia tidak dapat difahami oleh akal sebab sebenar pensyariatannya sesuatu hukum yang berbentuk *ta'abbudiy* itu, bahkan pensyariatannya adalah semata-mata perintah dari Allah, seperti kata mereka (Ibn Hajar, 1984)

مَا لَا يُعْقَلُ مَعْنَاهُ عِبَادَةٌ كَانَ أَوْ غَيْرَهَا

...kerana bahawasanya *ta'abbudiy* itu adalah sesuatu yang tidak boleh ditanggapi dengan akal (tentang sebab pensyariatannya), sama ada berkaitan ibadah atau selainnya... (8:229)

Apa yang dimaksudkan dengan tidak difahami akal tentang maksudnya ialah, ia adalah sesuatu yang tidak dapat diketahui kenapa disyariatkan sebegitu rupa, atau apa punca, tujuan atau *'illah* disebaliknya. Seperti solat sebagai contoh, yang mana sukar untuk menjawab soalan kenapa

disyariatkan solat sebanyak 5 kali sehari, dengan waktu-waktu yang tertentu, bilangan rakaat yang berbeza, bacaan-bacaan dan tatacara tertentu dan sebagainya. Begitu juga puasa yang mana kenapa disyariatkan pada bulan tertentu, berpuasa dalam tempoh tertentu, dengan syarat-syarat tertentu dan sebagainya. Begitu juga banyak ibadah-ibadah lain yang sukar ditanggapi punca sebenar kenapa sesetengah ibadah tertentu itu disyariatkan sedemikian rupa.

Namun perlu ditekankan di sini bahawa walaupun sesuatu hukum *ta'abbudiy* itu tidak diketahui puncanya namun bukan ia bukan bermaksud bahawa ia sendiri tidak mempunyai manfaat, kerana hukum-hukum Syarak itu semuanya disyariatkan dengan mempunyai faedah, manfaat dan hikmah sebaliknya (Izzuddin Abd Salam, 1991: Bakri, t.th) seperti contoh solat di atas yang mana solat mempunyai hikmah yang tersendiri seperti dapat mencegah seseorang itu dari membuat perkara keji dan mungkar, menjadikan seseorang itu hamba yang patuh kepada Tuhannya. Begitu juga puasa yang mana hikmah puasa adalah jelas seperti mengawal nafsu, hikmah dari segi kesihatan fizikal dan mental, juga untuk merasai kesusahan dan kesengsaraan orang miskin dan hikmah-hikmah lain yang banyak terdapat dalam ibadah puasa (al-Qarafi, 2004).

ii. ***Ta'abbudiy* Banyak Berkaitan Dengan Bilangan-Bilangan Tertentu, Kadar-Kadar Tertentu, Waktu-Waktu Tertentu dan Tempat-Tempat Tertentu.**

Jika diperhatikan, banyak hukum-hukum Syarak yang menyebutkan bilangan-bilangan dan kadar tertentu seperti 3 kali suci bagi wanita yang diceraikan, 4 bulan 10 hari bagi tempoh iddah wanita yang kematian suami yang sudah menapous, 5 kali kenyang bagi penyusuan, kadar zakat harta 2.5% bagi zakat emas dan perak dan zakat perniagaan, 7 kali basuhan jilatan anjing, kadar 2 kolah bagi air, bilangan bayaran kafarah, fidyah, hudud, diyat, bilangan saksi, bilangan maksimum isteri seramai 4 orang sahaja, dan sebagainya.

Bagi hukum-hukum yang berkaitan bilangan tertentu ini, akal tidak dapat menanggapi dan memahami kenapa ditetapkan dengan bilangan dan kadar tertentu dan apakah justifikasi sebaliknya, dan kerana itu juga ianya tidak boleh dikurang atau ditambah bahkan perlu mengikut sahaja bilangan yang ditetapkan. Termasuk juga dalam soal ini hukum-hukum yang menyebutkan waktu-waktu tertentu, bulan tertentu, hari tertentu, tempat tertentu dan sebagainya.

- iii. *Ta'abbudiy* juga banyak berkaitan dengan penggunaan barangan-barangan dan alatan tertentu seperti tanah untuk sertu/samak anjing, batu untuk melontar jamrah, binatang tertentu untuk bayaran zakat ternakan dan juga untuk ibadah korban dan aqiqah, juga pengharaman logam tertentu seperti emas, perak dan sutera dalam soal perhiasan dan pakaian dan sebagainya.

Dalam soal ini, pengkhususan barangan dan alatan tertentu jelas menunjukkan bahawa wujud unsur *ta'abbudiy* dalam pensyariatkan sesuatu hukum itu melalui pemilihan sesuatu barang tertentu, dan dalam konteks qiyas, oleh kerana ia termasuk dalam sesuatu yang mempunyai *ta'abbudiy* maka qiyas tidak boleh dilakukan. Justeru dalam contoh di atas, tidak boleh diqiyaskan selain dari tanah untuk proses sertu, selain dari batu untuk melontar, atau lembu digantikan dengan ayam untuk aqiqah, atau diqiyaskan pengharaman lelaki memakai emas kepada barang berharga lain seperti tembaga, berlian dan sebagainya, juga diqiyaskan pengharaman sutera ke atas bahan-bahan lain sekalipun mungkin lebih mahal dan lebih lembut darinya.

- iv. *Ta'abbudiy* banyak berkaitan dengan urusan ibadah semata-mata seperti solat, puasa, haji, nazar dan sebagainya. Ini kerana ibadah itu adalah sesuatu tuntutan yang diwajibkan oleh Allah SWT ke atas hambanya demi menunjukkan lambang ketaatan dan kepatuhan mereka kepada Sang Pencipta tanpa perlu banyak mempersoal kenapa disyariatkan sebegitu. Ianya lebih kepada hubungan hamba dengan Tuhannya, justeru dari segi 'illah, manfaat atau tujuannya, jelas tidak diketahui kenapa ia diwajibkan sebegitu. Apa yang pasti ialah, ia dilakukan semata-mata kerana adanya tuntutan, dan kalau tiada tuntutan tersebut nescaya akal tidak akan melakukannya.

Contoh seperti solat yang mana dari segi tujuan solat, dari segi tata caranya, dari segi waktunya, bilangannya, dan sebagainya semuanya adalah sesuatu yang tidak dapat diketahui dan dicapai oleh akal faedah dan manfaat disebaliknya. Sama juga halnya dengan ibadah haji yang mana akal tidak dapat menanggapi kenapa ianya diwajibkan pada bulan tertentu, dengan tata cara tertentu, ditempat tertentu, dan sebagainya, dan oleh kerana itu maka dikategorikan sebagai *ta'abbudiy*. (Bakri: t.th). Ini berbeza dengan sedekah sebagai contoh, yang mana akal dapat memahami kenapa digalakkan bersedekah, dan akal juga tidak akan mempersoalkan jumlah sedekah seseorang kerana ianya terpulang kepada kehendak dan kemampuan mereka yang bersedekah dan ini berbeza dengan zakat yang mana walaupun mereka dapat memahami

tujuan zakat secara umum namun mereka tidak akan dapat mengetahui kenapa diwajibkan hanya 2.5% sahaja, juga kenapa hanya diberi kepada orang tertentu sahaja dan lain-lain lagi keistimewaan zakat yang tidak terdapat pada sedekah, justeru hukum keduanya adalah berbeza.

MA‘QULAT AL-MA‘NA DARI SEGI BAHASA DAN ISTILAH.

Perkataan yang berlawanan dengan maksud *ta‘abbudiy* ialah *Ma‘qulat al-Ma‘na*. Ia bermaksud sesuatu hukum atau ketetapan yang dapat diketahui *‘illah*, maksud/*Ma‘na* dan sebab kenapa sesuatu hukum itu diperintahkan begitu. *Ma‘qulat al-Ma‘na* terdiri dari dua perkataan iaitu *ma‘qulat* iaitu sesuatu yang boleh diterima akal, dan sesuatu yang boleh digambarkan dan boleh ditanggapi oleh akal. *Ma‘na* pula ialah bentuk yang berada dalam pemikiran yang mana maksudnya ialah lafaz-lafaz dan bentuk gambaran yang terhasil di pemikiran (al-Jurjani, 2000).

Selain itu juga, *Ma‘na* digunakan untuk maksud yang tersirat dan yang dapat difahami dari sesuatu lafaz atau pertuturan dan penulisan itu disebabkan adanya *qarinah-qarinah*/sebab tertentu yang memalingkan dari maksud asalnya, seperti hibah yang mana maksud asalnya ialah perpindahan hak milik tanpa perlunya bayaran namun disebabkan adanya *qarinah* iaitu lafaz “dengan bayaran” maka hukum yang terpakai dan yang diambil kira pada lafaz hibah sebegini ialah maksud keseluruhan pernyataan itu iaitu ia sudah bertukar menjadi hukum jual beli (kerana adanya pensyariatan pembayaran). Begitu juga lafaz Mudarabah dengan syarat segala keuntungan untuk pemodal atau pengusaha sahaja, yang mana disebabkan wujudnya lafaz sebegini maka ianya telah menukarkan *ma‘na* dan maksud asal *mudarabah* kepada sedekah (bagi sebahagian pendapat) atau sebagai upah sebanding (bagi mudarabah yang fasid) (Azam, 2004). Jelas dari contoh-contoh yang disebutkan diatas bahawa *Ma‘na* juga bermaksud yang tersirat yang dapat difahami dari konteks keseluruhan pernyataan (al-Suyuti, 1997)

Selain itu juga, *Ma‘na* disebutkan oleh para ulama usul dengan maksud *‘illah*, atau sesuatu perkara yang mana disebabkan kewujudannya maka wujudlah hukum, seperti dalam soal tanaman-tanaman yang dikenakan zakat sepertimana yang disebutkan oleh imam al-Syafie:

وقياساً على ما ثبت أن رسول الله أخذ منه الصدقة، وكان في معنى ما أخذ النبي، لأن الناس

نَبَّؤُهُ لِيُقْتَاتُوهُ

“Dan ia diqiyaskan kepada apa yang telah thabit dari Rasulullah SAW bahawa baginda SAW mengambil darinya sebagai bayaran zakat, dan kerana ia mempunyai *Ma‘na* (*illah*) yang sama sebagaimana yang dikutip (*harta*) oleh nabi SAW, kerana manusia menanamnya untuk dijadikan makanan utama (*ruji*)” (Syafie, t.th).

PERBEZAAN ANTARA TA'ABBUDIY DAN MA'QULAT AL-MA'NA.

Terdapat perbezaan yang jelas antara *ta'abbudiy* dan *ma'qulat al-Ma'na* sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Shatibi (t.th) dan berdasarkan apa yang telah disebutkan oleh beliau jelas bahawa *ta'abbudiy* adalah perkara yang tidak dapat difahami 'illahnya, dan ia adalah sesuatu ketetapan dan peraturan yang ditentukan dan ianya dibuat bukan untuk membolehkan mereka memahami punca dan sebab tata cara pelaksanaan sesuatu perkara *ta'abbudiy* itu, apatah lagi untuk mengqiyaskannya dengan perbuatan atau ketetapan yang lain.

Ta'abbudiy adalah sesuatu perkara yang menuntut seseorang itu menerima sahaja apa jua yang telah diperintah dan ditetapkan ke atas mereka, tanpa perlu mereka mempersoalkan sebabnya, alasan, tujuan dan sebagainya. Ianya seperti puasa, haji dan sebagainya yang mana mereka hanya perlu melaksanakan sahaja tanpa dapat memahami dan mengetahui sebabnya Allah SWT mensyariatkannya, walaupun ia adalah sesuatu yang memang mempunyai hikmah dan sebab yang mana hanya Allah sahaja yang mengetahuinya. Oleh kerana sifat *ta'abbudiy* yang bermaksud melaksanakan tuntutan sebagaimana yang ditentukan sahaja maka ianya tidak boleh digantikan dengan sesuatu yang lain, kerana penggantian itu hanya boleh diterima jika dapat difahami 'illah sesuatu hukum sedangkan *ta'abbudiy* adalah sesuatu yang tidak difahami 'illah dan maksudnya.

Ini berbeza halnya dengan sifat *ma'qulat Ma'na* yang mana ia adalah perkara yang boleh difahami oleh seorang *mukalaf* itu tentang apakah 'illah, tujuan dan makna yang tersirat disebalik sesuatu tuntutan hukum Syarak itu, dan dalam banyak situasi, budi bicaranya sendiri boleh menentukan proses pelaksanaan sesuatu yang berbentuk *ma'qulat al-Ma'na* itu, contohnya seperti bersedekah yang mana terpulang kepada budi bicara seseorang itu untuk menentukan jumlah dan kadar sedekahnya, bentuk pengagihan, penerima dan sebagainya.

Dalam konteks pengeluaran hukum Syarak, oleh kerana *ma'qulat Ma'na* adalah sesuatu yang boleh difahami maksudnya maka ianya boleh diqiyaskan ke tempat lain yang tidak disebutkan di dalam *nass*, bahkan ianya boleh diganti dengan hukum lain selama mana hukum yang baru tersebut dapat mencapai tujuan dan maksud yang sama bagi hukum yang telah disebutkan oleh *nass*, seperti batu yang boleh digantikan dengan barang yang kesat dalam persoalan bersuci dan *istinjak/istijmar*, pisau yang boleh digantikan dengan apa yang boleh melukakan termasuk kaca dan sebagainya dalam bab sembelihan (*Zibh/Nahr*) dan sebarang alat yang kesat boleh menggantikan kayu sugi.

Ta'abbudiy juga sebenarnya adalah satu bentuk ujian kepada manusia, untuk menguji sama ada seseorang itu boleh menerima sahaja kewajipan yang ditetapkan oleh Allah Tuhan Semesta Alam tanpa memikir atau mempersoalkan alasan atau tujuan dan sebab di sebalik sesuatu hukum. Ini berbeza halnya dengan *ma'qulat ma'na* yang mana oleh kerana ia adalah sesuatu yang dapat difahami 'illah dan tujuan sesuatu hukum itu maka cubaan dan dugaan bukan dalam bentuk penerimaan dan keimanan terhadap sesuatu ketetapan tetapi lebih kepada dugaan untuk pelaksanaan tuntutan tersebut. Kenajisan anjing dan jilatannya bagi unsur *ta'abbudiy* sebagai contoh, bagi sesetengah manusia, sukar bagi mereka untuk memahami kenapa ianya adalah haram sedangkan anjing adalah binatang yang banyak manfaatnya, begitu juga binatang-binatang lain yang dihukum sebagai kotor seperti babi, atau diperintahkan dibunuh seperti cicak dan sebagainya (al-Nawawi: t.th, al-Rafie: 1997) kerana ia bertentangan dengan logik akal manusia.

APLIKASI SEMASA BERKAITAN KONSEP TA'ABBUDIY DAN MA'QULAT AL-MA'NA DALAM HUKUM BERKAITAN ZAKAT.

Zakat adalah satu kewajipan dalam Islam yang disyariatkan bertujuan untuk menyucikan hati dari sifat bakhil dan cintakan dunia, dan dalam masa yang sama ianya juga bertujuan untuk memupuk semangat empati, dan juga ianya bertujuan untuk menyucikan harta dari sumber pendapatan yang tidak halal dan syubhah yang mungkin tanpa disedari telah termasuk dalam pemilikan seseorang itu (Mustafa Khin, Mustafa Bugho, 'Ali Sharbaji: 2009). Zakat adalah satu instrumen berkaitan ekonomi yang berperanan dalam menyusun masyarakat dari segi sosiologi, kemanusiaan, emosi melalui sektor ekonomi.

Dalam konteks istinbat hukum, zakat adalah perkara yang termasuk di bawah perkara muamalat iaitu berkaitan urusan kewangan dan pengagihan kekayaan dari orang kaya kepada orang susah, dan kerana itu kanak-kanak dan orang gila juga dikenakan zakat, ia boleh diambil secara kekerasan, ia juga tidak terhapus dengan sebab kematian dan sebagainya. Namun dalam masa yang sama ia juga adalah berkaitan ibadah khusus. Imam al-Zanjani (t.th) menyebutkan bahawa zakat tidak boleh digantikan dengan selain dari jenis harta yang telah ditetapkan kerana melihat kepada zakat sebagai ibadah yang mengandungi unsur *ta'abbudiy* yang dominan yang tidak diketahui 'illahnya. Penggantian hanya boleh dilakukan dengan barang yang lain jika diketahui 'illahnya.

Dari segi analisis hukum-hukum cabang yang terdapat dalam mazhab Syafie dalam soal zakat juga, jelas bahawa *ta'abbudiy* adalah perkara asas dalam bab zakat dan ini dapat dilihat berdasarkan ciri-ciri *ta'abbudiy* yang jelas

terdapat padanya seperti ianya hanya boleh diagihkan kepada orang Islam dari kalangan asnaf tertentu sahaja, dan hanya diwajibkan ke atas orang Islam sahaja, juga diwajibkan dengan kadar yang tertentu, dikenakan ke atas barangan yang tertentu, juga ianya memerlukan niat, diberi pahala kepada mereka yang melakukannya dan dosa kepada mereka yang meninggalkannya dan sebagainya yang berkaitan ciri-ciri khusus *ta'abudiy*. Justeru berdasarkan apa yang telah disebutkan oleh al-Zanjani di atas dan *furu'-furu'* dalam mazhab Syafie jelas menunjukkan bahawa hukum berkaitan zakat adalah berpaksikan *ta'abbudiy*. Kata imam al-Juwayni :

ولو أبرأ هؤلاء مستوجب الزكاة، فاستحقاقهم واختصاصهم يقتضي تنفيذ إبرائهم، ولكن أصل التعبد ينافي ذلك؛ فإن الزكاة عبادة واجبة لله تعالى، فيبعد سقوطها من غير أداء

"...dan jika penerima zakat itu mengibra`kan haknya ke atas sesuatu harta zakat, maka haknya dan keistimewaannya (sebagai penerima zakat) adalah memberi maksud ibra` tersebut boleh dilaksanakan dan sahnya pengguguran zakat tersebut (kerana penerima sendiri yang menggugurkan haknya) namun konsep asal perkara berkaitan *ta'abud* adalah bertentangan dengan perkara tersebut. Ini kerana zakat adalah satu ibadah yang wajib dilaksanakan kepada Allah Taala, dan jauh dari boleh diterima bahawa ianya boleh digugurkan tanpa adanya pelaksanaan" (al-Juwayni, 3; 139).

Namun begitu perlu ditekankan di sini bahawa ini bukanlah menunjukkan bahawa zakat itu langsung tidak mempunyai sebarang maksud dan tujuan sebaliknya, bahkan sepertimana yang disebutkan sebelum ini, antara tujuan dan hikmah zakat adalah untuk membantu para asnaf dan mereka yang memerlukan dalam memenuhi keperluan mereka dan ini adalah sesuatu yang bersifat *ma'qulat al-ma'na* iaitu sesuatu yang boleh difahami maksud dan tujuannya. Perkara ini juga dapat dilihat dari hukum-hukum cabang dalam mazhab Syafie, terutama bagi situasi tiadanya nas-nas bagi sesuatu isu Syarak yang timbul yang mana pada ketika itu sebagai jalan penyelesaian maka seseorang mujtahid itu perlu melihat kembali kepada hikmah asal dalam soal zakat, iaitu untuk membantu para asnaf dan *mustahiq* penerima zakat dan ini jelas adalah sesuatu yang bersifat *ma'qulat al-ma'na*.

Antara contoh hukum berkaitan zakat yang bukan berasaskan *ta'abbudiy* ialah keharusan pembayaran harta zakat menggunakan unta sebagai ganti kepada zakat ke atas kambing. Atau gandum sebagai ganti kepada beras dalam soal zakat tanaman. Ianya dibenarkan kerana tujuan zakat adalah jelas untuk keperluan penerima dan kerana itu dibenarkan membayar dengan nilai yang lebih tinggi dan yang lebih memberi manfaat kepada para asnaf (al-Nawawi: 1991). Ini juga sebenarnya menunjukkan tujuan asal zakat itu iaitu

untuk membantu dan ia adalah *ma'qulat al-makna* dan bukan semata-mata sebagai *ta'abbudiy* yang tidak difahami maksudnya sahaja.

Bahkan bagi zakat perniagaan sebagai contoh, jelas bahawa *ma'qulat al-makna* menjadi sandaran hukum dalam soal pemilihan sama ada perlu membayar menggunakan barang atau duit yang mana duit adalah pendapat yang kuat dalam mazhab Syafie kerana melihat kepada tujuan zakat perniagaan itu iaitu untuk mendapatkan wang dan ini tercapai menggunakan *ma'qulat ma'na* sebagai asas penentuan hukum.

Apa yang boleh disimpulkan dari perbincangan di atas ialah, secara umumnya konsep zakat dalam mazhab Syafie adalah berpaksikan elemen *ta'abbudiy* yang mana ianya hanya mesti dilaksanakan sepertimana yang terdapat dalam nas sahaja dan tidak selainnya. Namun dalam masa yang sama ianya tidak menafikan sama sekali adanya unsur *ma'qulat al-ma'na* yang perlu difahami dan diimplimentasikan dalam *istinbat* hukum dalam soal zakat ini. Kata al-Juwayni lagi:

ثم الذي يجب تمهيده في ذلك أن المعنى المعقول في الزكاة سدُّ الحاجة، ولا سبيل إلى جحد ذلك، ولكن انضم إلى هذا الغرض المعقول تعبدان: أحدهما - النية، فهي مرعية عند الإمكان، ولكن الزكاة قد تستقل بالغرض الظاهر، وهو سدُّ الحاجة، ولذلك وجبت في مال الصبي، ويأخذها الإمام، من الممتنع، وقد يتخيل على البعد أن امتحان ملاك الأموال ببذل أموالهم من غرض التكليف، وهذا يشير إلى إيقاعه عبادةً بالنية. فهذا أحد التعبدين. والثاني - اتباع النصوص. وحكم سدُّ الحاجة يقتضي ما يصير إليه أبو حنيفة (1)، ولكن يجب اتباع التعبد معه، كما تجب النية

“Kemudian yang perlu diberi penekanan dalam soal berkaitan zakat di sini ialah, maksud yang difahami (*ma'qulat al-ma'na*) dalam soal zakat ialah memenuhi keperluan dan hajat, dan tiada jalan lagi untuk mempertikaikannya. Tetapi digabungkan dengan tujuan *ma'qulat al-ma'na* yang difahami maksud ini dua perkara *ta'abbudiy*, yang pertamanya ialah niat, yang mana ianya perlu disempurnakan jika mampu, tetapi zakat kadang-kadang bersendirian dan tidak seiring (*hanya*) mengikut tujuan yang zahir iaitu untuk memenuhi keperluan, dan kerana itu ia diwajibkan ke atas harta kanak-kanak, dan boleh diambil oleh pemerintah, dari mereka-mereka yang enggan (membayar zakat), dan kadang-kadang diperhatikan pula bahawa zakat adalah ujian ke atas pemilik-pemilik harta untuk untuk membelanjakannya bagi tujuan menyempurnakan taklif syarak, dan ini memberi isyarat bahawa ianya berlaku sebagai ibadah yang perlu disertai dengan niat. Ini adalah salah satu aspek *ta'abbudiy* (dalam zakat), dan yang

keduanya pula (aspek ta'abbudiy) ialah kerana semata-mata mengikuti nas. Dan hukum zakat bersandarkan bahawa ia adalah untuk memenuhi keperluan adalah memberi kefahaman sepertimana yang diamalkan oleh mazhab Hanafi, namun adalah menjadi kewajipan untuk diseirinkan dengan ta'abbudiy juga, seperti mana juga halnya dalam soal niat. (al-Juwayni, 3;202)

Kepentingan apa yang dibahaskan dalam isu ini dalam konteks pengeluaran hukum semasa termasuklah isu sama ada zakat dikenakan ke atas bitcoin dan matawang-matawang kripto lain atau tidak, juga sama ada zakat dikenakan ke atas instrument kewangan jangka panjang yang diperdagangkan seperti sukuk dan kertas-kertas kewangan, kewajipan zakat ke atas bank-bank dan institusi kewangan yang dimiliki oleh orang bukan Islam dan sebagainya.

APLIKASI SEMASA BERKAITAN KONSEP TA'ABBUDIY DAN MA'QULAT AL-MA'NA DALAM HUKUM BERKAITAN PRODUK UNTUK BERSUCI .

Selain dalam bab zakat, antara aplikasi bagi isu yang sedang dibincangkan ini ialah dalam soal penyucian/*cleaning* menggunakan air dan selain darinya, tayammum, alat-alat moden untuk samak/sertu dan sebagainya.

a) Isu Pertama: Penggunaan Air Dalam Bersuci dan Menghilangkan Najis.

Sebagaimana yang diketahui, air adalah satu unsur yang digunakan semenjak zaman berzaman untuk tujuan pembersihan selain tujuan-tujuan lain, dan dalam konteks hukum Syariah, ianya digunakan sama ada untuk tujuan pembersihan berbentuk *hukmi* (spiritual) dan hakiki (fizikal) (Ibn al-Rif'ah, 2009). Bagi pembersihan berbentuk *hukmi*, ia seperti untuk tujuan mengangkat *hadas*/penghalang dari sahnya ibadah sama ada *hadas* kecil mahupun *hadas* besar manakala pembersihan hakiki ialah untuk menghilangkan najis lahiriyah seperti tahi, air kencing dan sebagainya (al-Zanjani: t.th).

Menurut pendapat imam al-Syafie (2001), hanya air mutlak sahaja yang boleh digunakan untuk mengangkat *hadas* dan menghilangkan najis dan bagi bahan selain dari air dari jenis-jenis cecair, ia tidak boleh diterima dan tidak memadai untuk menghilangkan *hadas* dan menghilangkan najis. Pendapat sama dikongsi oleh beberapa mazhab lain, dan bagi mereka ia adalah perkara berkaitan ta'abbudiy yang mesti dipatuhi (Ibn Rushd: 1995). Bagi sebahagian mazhab pula (al-Kasani: 2003, Ibn Rusyd: 1995, al-Rafie: 1997), mereka berpendapat bahawa sebarang cairan yang boleh menyampaikan kepada maksud air iaitu untuk menghilangkan najis maka ia boleh digunakan kerana bagi mereka, maksud atau *'illah* dan tujuan dari penggunaan air itu adalah menghilangkan najis, dan sebarang cairan yang dapat menghilangkannya

maka ianya juga diterima. Bagi mereka, penggunaan air adalah sesuatu yang boleh difahami 'illahnya (*ma'qulat al-Ma'na*) justeru ia boleh diqiyaskan kepada bahan lain selain dari air asalkan wujud sifat atau 'illah yang sama wujud iaitu menyucikan.

Pembersihan Menggunakan Selain Dari Air: Cucian Kering.

Antara isu semasa berkaitan penggunaan air untuk bersuci ialah Cucian Kering (*Dry Cleaning*). Cucian kering bermaksud: "*sebarang proses yang digunakan untuk pembersihan pakaian dan tekstil menggunakan bahan kimia pelarut selain daripada air*". Pelarut yang biasa digunakan pula ialah tetrakloroetilena (*perchloroethylene*), yang mana dalam industry ianya dikenali dengan singkatan "*PERC*". Selain itu, hidrokarbon juga merupakan salah satu pelarut yang akan digunakan untuk cucian kering kerana ia adalah lebih selamat, kurang mudah terbakar dan mempunyai bau yang kurang. Ia digunakan untuk membersihkan kain halus yang tidak dapat menahan kasarnya cucian mesin dan jatuh dari pengering mesin basuh dan pakaian, selain ia juga boleh mengurangkan kos buruh yang mencuci menggunakan tangan (Furkan H. Isikgor, C. Remzi Becer: 2015).

Bagi cucian kering ini ia adalah cucian menggunakan cecair selain dari air mutlak. Jika dilihat isu ini, terutama praktis semasa bagi mereka yang menghantar pakaian mereka ke pusat-pusat dobi yang menawarkan perkhidmatan cucian kering, dari segi pakaian yang dihantar mungkin ada dua senario yang berlaku iaitu pakaian yang tidak terkena najis dan pakaian yang terkena najis:

a) Senario Pertama: Pakaian Yang Tidak Terkena Najis.

Bagi senario pertama, mungkin tiada isu yang timbul kerana pakaian yang sudah suci maka cucian kering tidak mengubah statusnya, berbeza dengan pakaian yang kotor dan terkena najis yang mana cucian akan mencucinya. Bagi isu ia adalah kotor (bukan najis), ia bukan penghalang dalam pelaksanaan ibadah. Ini kerana Syariah hanya menghendaki pakaian mesti bersih dan suci dari najis, bukan suci dari kekotoran seperti daki, minyak, bau-bauan yang kurang menyenangkan dan sebagainya. Walaupun tidak dinafikan sunat hukumnya memakai pakaian yang bersih, memakai wangi-wangian dan sebagainya terutama ketika menunaikan ibadah namun ianya bukan suatu kewajipan (Bakri, t.th: Marghinani, t.th). Dari segi penyucian dengan maksud pembersihan dari daki, minyak, kesan makanan dan sebagainya yang bukan najis maka Syariah tidak menerangkan tata caranya maka ia terpulang kepada budi bicara manusia itu sendiri bagaimanakah ingin mereka sucikan badan dan pakaian mereka selama mana ianya bukan alatan najis dan tidak memudaratkan.

Namun begitu, walaupun dari satu sudut penyucian, cara ini tidak mengubah status pakaian yang masih kekal suci tetapi hanya kotor sahaja namun wujud pula satu isu lain berkaitan cucian menggunakan *Perc* ini yang mana ia akan digunakan beberapa kali dan hanya akan ditukar apabila telah kotor. Bahkan *Perc* ini juga akan dikitar semula apabila telah dibuang kekotorannya (Furkan H. Isikgor, C. Remzi Becer : 2015).

Di sini timbul isu kebersihan pencuci itu sendiri sama ada ia mengandungi najis atau tidak. Hatta jika dikatakan bahawa *perc* itu adalah satu bahan yang halal dan suci, sama seperti bahan cucian yang lain namun wujud isu lain juga yang mana ia telah digunakan beberapa kali dan ada kemungkinan bahawa ianya pernah digunakan untuk mencuci pakaian yang terkena najis, apatah lagi keadaan kedai-kedai dobi yang tidak mewajibkan pelanggan membasuh dahulu pakaian mereka dengan air mutlak maka kemungkinan untuk membasuh pakaian yang memang telah terkena najis adalah agak tinggi, dan jika begitu maka pakaian lain yang dibasuh menggunakan *perc* yang sama yang telah digunakan berulang kali adalah tidak suci dan tidak boleh dibuat beribadah kerana ia dibasuh dengan air najis maka dikira sebagai *mutanajjis*/terkena najis.

b) Senario Kedua: Pakaian Yang Terkena Najis.

Bagi pakaian yang terkena najis yang dihantar ke pusat cucian kering, di sini maka perlu dibahaskan hukum apakah cucian kering boleh menyucikan najis, atau tidak?

Sebagaimana yang telah dikupas sebelum ini bahawa hanya air sahaja daripada jenis-jenis cecair yang boleh diterima sebagai alat untuk menyucikan pakaian, tempat dan tubuh dari najis maka jelas bahawa cucian kering/*dry cleaning* tidak dikira memadai dalam menyucikan pakaian yang terkena najis. Ini kerana ia tidak menggunakan air mutlak yang merupakan syarat untuk menyucikan dan menghilangkan najis. Justeru bagi mereka yang ingin menghantar pakaian mereka untuk cucian kering, mereka mestilah menyucikan dulu menggunakan air mutlak, kemudian menghantarnya ke pusat cucian kering, di samping perlu diperhatikan juga isu penggunaan *Perc* berulang-ulang sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini wujud.

Selain itu juga, walaupun mazhab Syafie berpandangan sedemikian adalah kerana ia adalah perkara *ta'abbudiy* yang tidak dapat difahami kenapa Syarak memilih air sebagai alat pembersihan namun demikian, namun perlu dinyatakan di sini bahawa tujuan bersuci itu adalah sesuatu yang *Ma'qulat al-Ma'na* iaitu sama ada untuk menghilangkan najis atau mengangkat *hadas*. Jelas

di sini bahawa dalam soal bersuci, dari segi tujuan ia dilaksanakan adalah *ma'qulat ma'na* iaitu untuk menyucikan pakaian, namun dari segi cara pelaksanaan dan alat yang digunakan pula, jelas mazhab Syafie menganggap ia adalah perkara *ta'abbudi*.

Bagi para ulama terkemudian/*muta`akhirin* mazhab Syafie pula, mereka mempunyai pandangan yang sedikit berbeza dengan imam al-Syafie RH yang mana mereka berpandangan bahawa punca hanya air dibenarkan adalah kerana hanya air yang mempunyai kekuatan untuk menyucikan pakaian dan ia tidak wujud pada alat-alat basuhan lain selain air (al-Juwayni, 1943). Jika berdasarkan pandangan ini maka '*illah* yang hanya wujud pada air ini dikenali sebagai '*illah qasirah/illah waqifah* iaitu '*illah* yang hanya wujud di tempat teks dan tidak wujud di tempat lain (Syirazi, t.th: Zarkasyi, 2007). Bagi mereka, pensyaratan penggunaan air bukan kerana air itu bersifat *ta'abbudiy*, bahkan ia bersifat *ma'qulat al-ma'na* iaitu untuk menyucikan dan menghilangkan najis, namun '*illah* yang wujud pada air ini adalah '*illah* yang bersifat eksklusif ('*illah Qasirah*) yang tidak terdapat pada cecair yang lain. Perspektif ini walaupun nampak berbeza antara dua pandangan namun natijahnya adalah sama iaitu hanya air yang boleh diguna untuk bersuci.

Termasuk juga dalam isu penggunaan air sebagai alat penyucian ini ialah isu:

1) *DryBath*.

Drybath ialah mandian tanpa menggunakan air, bahkan hanya menggunakan cecair atau gel sahaja untuk membersihkan badan. Cecair ini berfungsi membersihkan badan dari bakteria, kekotoran dan daki-daki (<http://edition.cnn.com/2014/03/10/business/drybath-how-to-keep-clean/>).

2) Mesin Basuh Menggunakan Manik Plastik Sebagai Pencuci

Menurut syarikat yang mengeluarkan produk ini, ia menggunakan manik polimer, yang digunakan dalam mesin basuh yang tidak menggunakan air, yang mana manik-manik ini boleh "*mencuci, menarik dan mengangkat jauh kekotoran dan tanah dari permukaan tekstil*". Manik-manik akan menyerap kotoran ke dalam struktur molekul mereka lantas mensucikan pakaian dari kekotoran (http://ec.europa.eu/environment/ecoap/about-eco-innovation/good-practices/eu/20130128-washing-whiter-without-water_en.htm).

Berdasarkan kaedah *usul al-Fiqh* dalam mazhab Syafie, terutamanya dalam perbincangan tentang penggunaan air sebelum ini, kedua-dua jenis cucian ini tidak memadai kerana ia tidak menggunakan air mutlak yang merupakan alat yang telah dikhususkan oleh Syarak untuk bersuci

atau menghilangkan najis. Dengan kata lain, dari segi Syarak, hanya air yang boleh menyucikan dan selain darinya adalah tidak memadai, sama ada kerana ia mempunyai unsur *ta'abbudiy* atau *ma'qulat al-Ma'na* tetapi *'illah* yang terdapat padanya adalah *'illah Qasirah/Waqifah* iaitu *'illah* yang hanya wujud pada dalil Syarak sahaja dan tidak wujud di tempat lain.

Selain itu juga, perkara sama terpakai bagi cucian menggunakan teknologi penyucian menggunakan wap, atau melalui sinaran UV, atau apa-apa cara selain dari menggunakan air maka ia juga tetap tidak dianggap memadai dalam membersihkan pakaian dan sebagainya berasaskan bahawa pembersihan menggunakan air adalah perkara *ta'abbudiy*, atau *'illah qasirah* menurut pandangan para ulama terkemudian/*muta'akhirin* mazhab Syafie. Penulis berpandangan bahawa pendapat para *muta'akhir* mazhab Syafie ini adalah lebih tepat apatah lagi ianya disokong oleh banyak kajian-kajian sains semasa berkaitan air sebagai agen pencuci yang sangat berkesan, dan ini menjelaskan kenapa air dipilih oleh Syarak sebagai agen pencuci, dan bukan semata-mata kewajipan yang tiada *'illah* atau termasuk di bawah *ta'abbudiy* sepertimana pendapat yang dipegang oleh imam al-Syafie sendiri.

b) Isu Kedua: Sertu Menggunakan Sabun yang Dibuat Dan Dicampurkan Dengan Tanah Untuk Menghilangkan Najis *Mughallazah*

Sertu bermaksud proses pembersihan tempat, pakaian, diri dan sebagainya dari najis *Mughallazah* (al-Nawawi, t.th: al-Ramli, 2003). Bagi mazhab Syafie, anjing, babi dan binatang-binatang yang terbit dari keduanya maka ia adalah termasuk dalam kategori najis berat (*Mughallazah*) yang mana jika najis-najis ini terkena kepada badan, pakaian, bekas dan sebagainya maka perlu disucikan sebanyak 7 kali dengan salah satu cucian adalah menggunakan tanah, dan ini adalah berdasarkan hadis Nabi SAW (al-Bukhari, 2002; al-Nawawi, 1929).

Hadis-hadis ini walaupun berbeza dari segi jalan-jalan dan sanadnya namun ia menunjukkan secara jelas cara menyucikan bekas yang dijilat oleh anjing iaitu dibasuh sebanyak 7 kali. Bagi mazhab Syafie, pendapat yang kuat menyatakan bahawa hanya tanah sahaja yang boleh digunakan untuk melakukan proses sertu dan selain dari tanah seperti sabun, tumbuhan atau lain-lain bahan selain dari tanah maka ia adalah tidak memadai dan tidak dapat menggantikan tanah sebagai alat untuk sertu, kerana ia bertentangan dengan tuntutan hadis dalam perkara *ta'abbudiy* (dari segi alat menyucikan).

Dalam soal sertu menggunakan tanah ini, ianya mungkin boleh difahami seperti berikut:

- Tujuan sertu, ia adalah termasuk dalam sesuatu yang boleh difahami atau *ma'qulat al-ma'na* iaitu untuk menghilangkan najis, bahkan ini jelas dari lafaz yang digunakan dalam hadis yang mana nabi SAW menyebutkan lafaz cucian iaitu "*Tuhur*" dan jelas dari lafaz yang digunakan ini bahawa tujuan sertu adalah *ma'qulat al-ma'na*. Namun berbeza dengan najis-najis biasa iaitu iaitu oleh kerana ia adalah najis *mughallazah* (najis berat) maka cara penyuciannya juga berbeza iaitu dengan 7 kali basuhan dengan salah satunya adalah dengan tanah
- Bagi tatacara bilangan basuhan dan alat yang digunakan dalam pembersihan sertu pula, sebagaimana yang dimaklumi bahawa ia dilakukan sebanyak 7 basuhan dan menggunakan tanah, dan dari segi asas hukum menurut pendapat yang kuat ialah, kerana ia boleh jadi termasuk di bawah perkara *ta'abbudiy/ ghair al-ma'qulat al-Ma'na* atau boleh jadi ia adalah kerana *'illah qasirah* iaitu *'illah* yang hanya wujud pada tanah sahaja, dan tidak wujud dalam bahan lain, begitu juga melihat dari segi bilangan yang mana sepertimana yang disebutkan di atas, bilangan adalah sesuatu yang termasuk dalam ciri-ciri *ta'abbudiy* yang mana ia tidak boleh dikurang atau ditambah.

Justeru apa yang boleh dirumuskan dalam soal kenajisan anjing ini ialah, mazhab Syafie berpandangan bahawa sebahagiannya adalah *ta'abbudiy* dan sebahagiannya adalah *ma'qulat ma'na*. *Ta'abbudiy* dalam konteks hanya tanah yang boleh diguna menurut pendapat yang *Azhar*, dan *ma'qulat ma'na* dalam aspek ia bertujuan untuk menyucikan najis berat dan atas dasar itu maka mereka meng*qiyaskan* kewajipan basuhan sebanyak 7 kepada babi dan binatang-binatang yang lahir dari keduanya, begitu juga juga mereka meng*qiyaskan* kepada bahagian anggota badan lain anjing seperti bulu, daging dan sebagainya yang mana ia adalah terhasil melalui aplikasi konsep *qiyas*. Sebagaimana yang diketahui, *qiyas* hanya boleh berlaku jika diketahui *'illahnya*.

Kerana itu, seandainya mazhab Syafie beranggapan bahawa soal kenajisan anjing ini semuanya adalah *ta'abbudiy* semata-mata sebagaimana pandangan mazhab Maliki maka mereka tidak akan mengatakan bahawa ia adalah bertujuan untuk menghilangkan najis kerana kenyataan yang berkaitan dengan tujuan maka ia termasuk di bawah perkara *ma'qulat al-ma'na*, begitu juga nescaya mereka tidak akan meng*qiyaskan* babi kepada anjing dari segi kenajisan. Bahkan mereka juga tidak akan mengatakan bahawa punca

kenajisan adalah air liur anjing lalu meng*qiyaskannya* kepada keseluruhan tubuhnya. Sebaliknya juga, jika semuanya adalah *ma'qulat ma'na* pula maka nescaya mereka membenarkan selain dari tanah untuk mensucikan jilatan dan apa juga yang terkena anjing dan babi. Ini sebenarnya lebih menjelaskan kepada kita bahawa hukum-hukum dalam mazhab Syafie, dalam soal pokok maka dalam banyak situasi ia adalah bersifat *ma'qulat ma'na* namun ketika mana pendetailan kepada hukum *furu'* maka ia adalah *ta'abbudiy* (al-Sam'ani, 1998).

Ini juga sebenarnya menunjukkan ketelitian mazhab Syafie yang mana dari segi perkara-perkara asas dan hukum-hukum pokok, mereka menerima konsep *ma'qulat ma'na*, namun bagi isu pelaksanaan dan pengoperasian pula, ianya lebih bersifat *ta'abbudiy*, namun tidak menolak *ma'qulat ma'na* hatta dalam soal pelaksanaan jika *'illahnya* adalah jelas dan dapat dikenal pasti. Namun dalam soal sertu menggunakan tanah, terdapat pendapat para *Ashab* atau *wajh* lain dalam mazhab Syafie yang menerima selain dari tanah untuk sertu, dan asas kepada pandangan mereka ini adalah kerana mereka penggunaan tanah itu adalah *ma'qulat al-Ma'na*, sama seperti bahan-bahan kesat yang boleh menggantikan batu bagi *istinjak/istijmar*, juga bahan-bahan lain dari kayu sugi yang boleh digunakan untuk menggantikannya, juga samak kulit menggunakan sebarang bahan yang boleh menghilangkan lebihan daging dan lemak pada kulit haiwan (Mawardi, 1994), dan sebagainya. Bagi pandangan ini, alat dan tujuan sertu maka keduanya adalah *ma'qulat al-Ma'na*, dan kerana itu mereka menerima sabun dan sebagainya sebagai ganti kepada tanah kerana sifatnya yang termasuk di bawah perkara berkaitan *ma'qulat al-Ma'na* (al-Syirazi: 1994).

KESIMPULAN.

Beberapa isu yang dibincangkan di atas sebenarnya adalah sebagai contoh bagaimana kaedah Usul al-Fiqh dapat diaplikasikan dalam penyelesaian isu fekah semasa. Bagi para mujtahid dan pengeluar hukum, ianya sangat berguna bagi mereka kerana melaluinya mereka dapat mengetahui apakah fungsi *Usul al-Fiqh* dalam pembinaan hukum dan bagaimanakah ianya dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian, termasuklah dalam bidang muamalat dan bersuci. Bagi pengkaji dan pihak yang terlibat dalam pengeluaran hukum juga, mereka juga dapat mengetahui manakah tempat seseorang itu boleh berijtihad dan melakukan proses qiyas disebabkan kewujudan *'illah* yang sangat jelas, dan manakah pula yang tidak dibenarkan berijtihad kerana kesamaran dari segi *'illah* dan punca hukum.

Dalam konteks kewangan Islam termasuk dalam bab zakat, pengetahuan tentang hukum dan isu-isu yang telah dibincangkan di atas

sangat membantu kerana zakat adalah antara sistem kewangan terpenting dalam pembangunan aspek sosio ekonomi umat Islam dan kefahaman tentang asas hukum dalam bab zakat boleh membantu mengeluarkan hukum yang menepati kehendaknya dan juga bersesuaian dengan peredaran semasa. Begitu juga halnya dalam aspek bersuci dalam ibadah dan hubungan seseorang dengan Allah SWT yang mana kefahaman tentang apa yang dibincangkan di atas dapat membantu dalam mengeluarkan hukum Syarak yang menepati kehendaknya yang sebenar. Wallahu a'lam.

RUJUKAN.

Al-Ghazzali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad, *al-Mustasfa min al-'Ilm al-'Usul*, (Bayrut: Mua'assasat al-Risalah, 1997)

Al-Juwayni, 'Abd al-Malik bin 'Abd Allah, *Mughith al-Haq fi Tarjih Qawl al-Haq*, (T.thp: al-Matba'ah al-Misriyyah, 1943).

Al-Juwayni, 'Abd al-Malik bin 'Abd Allah, *Nihayat al-Matlab fi Dirayah al-Madhab*, ed. Dr 'Abd al-'Azim Mahmud Dayyib, (t.thp: Dar al-Minhaj li al-Nasyr wa al-Tawzi', 2007).

Al-Juwayni, 'Abd Malik bin 'Abd Allah, *al-Burhan fi Usul al-Fiqh*, ed. Dr 'Azim al-Dayyib, (Qatar: t.p, 1979)

Al-Mawardi, Abu al-Hasan 'Ali bin Muhammad, *al-Hawi al-Kabir fi Fiqh Madhhab al-Imam al-Shafi'i*, ed. Sheikh 'Ali Muhammad Mu'awwad, Sheikh 'Adil Ahmad 'Abd al-Mawjud (Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994).

Al-Nawawi, Abi Zakariya Mahy al-Din Yahya bin Syaraf, *al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*, (Jeddah: Maktabah Irshad, t.th).

Al-Nawawi, Abi Zakariya Muhy al-Din Yahya bin Sharaf, *al-Raudah al-Talibin wa Umdat al-Muftin*, ed Zahir al-Shawish, (Bayrut: al-Maktab al-Islami, 1991).

Al-Ramli, Muhammad bin Abi al-'Abbas, *Nihayah al-Muhtaj ila Sharh Minhaj*; berserta *Hasyiyyah 'Ali bin 'Ali al-Shabralamsi*, *Hasyiyyah Muhammad bin Ahmad al-Maghzi al-Rasyidi*, (Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003).

Al-Shafi'i, Muhammad bin Idris, *al-Risalah*, ed. Ahmad Muhammad Syakir, (Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.th).

Al-Shafi'i, Muhammad bin Idris, *al-Umm*, ed. Dr Rifa'at Fawzi 'Abd al-Muttalib (Mansurah: Dar al-Wafa', cetakan pertama, 2001).

Al-Shirazi, Muhammad bin Ibrahim, *al-Luma' fi al-'Usul al-Fiqh*, (Surayaba: Syarikat Bungkul Indah, t.th).

Al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin al-Kammal, *al-Ashbah wa al-Nazair fi Qawa'id wa Furu' al-Fiqh al-Shafi'iyyah*, (Riyad: Maktabah al-Nazar al-Baz, 1997).

Al-Zanjani, Shihab al-Din Mahmud bin Ahmad, *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul*, ed. Dr Adib Salih. (Bayrut: Mu'assasah al-Risalah, t.th).

Al-Zarkasyi, Badr al-Din Muhammad bin Bahadir, *al-Bahr al-Muhit fi al-Usul al-Fiqh*, (Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, cetakan ke 2, 2007).

Ibn al-Qayyim al-Jawzi, Muhammad bin Abi Bakar, *I'lam al-Muqi'in 'an Rabbi al-'Alamin*, ed. Abu 'Ubaidah Masyhur bin Hassan, (Riyad: Dar Ibn al-Jawzie, 2002).

Ibn al-Rif'ah, Najm al-Din Muhammad bin Ahmad, *Kifayah al-Nabih Sharh al-Tanbih fi Fiqh al-Imam al-Shafi'i*, berserta *Hidayah ila Awham al-Kifayah* oleh al-Isnawi, ed. Prof Dr Najdi Muhammad Surur Baslum (Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2009).

Ibn al-Rushd, Ahmad bin Rusyd, *Bidayah al-Mujtahid*, dengan *Hamish al-Sabil al-Murshid ila Bidayah al-Mujtahid wa al-Nihayah al-Muqtasid*, ed. Dr 'Abd Allah Abadi, (Qaherah: Dar al-Salam, 1995).

Al-Subki, Taj al-Din 'Abd al-Wahhab bin 'Ali, *al-Ashbah wa al-Nazair*, ed. Sheikh 'Adil 'Abd al-Mawjud, Sheikh 'Ali Muhammad Mu'awwad, (Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, cetakan pertama, 1991).

Ibn Al-Sam'ani, Abi Muzaffar Mansur bin Muhammad, *Qawati' al-Adillah fi al-Usul al-Fiqh*, ed Dr Abd Allah bin Hafiz, (Riyad: Maktabah Taubah, 1989).

Ibn Hajar al-Asqalani, Ahmad bin 'Ali, *Fath al-Bari 'ala Sharh Sahih al-Bukhari*, ed 'Abd Qadir Syaibah al-Hamd (Riyad: dicetak oleh biaya oleh Amir Sultan bin 'Abd 'Aziz, keluarga diraja Saudi, 2001).

Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf, *Sharh Sahih Muslim* (T.thp: Maktabah Misriyyah bi al-Azhar, 1929).

Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, *Sahih al-Bukhari*, (Dimashq: Dar Ibn Kathir, 2002).

'Izz al-Din 'Abd al-Az'im bin 'Abd al-Salam, *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*, (Dimashq: Dar al-Qalam, t.th).

Al-Qarafi, Shihab al-Din Ahmad bin Idris, *Sharh Tanqih al-Fusul fi Ikhtisar al-Mahsul fi al-Usul*, ed Maktab al-Buhuth wa al-Dirasat (Bayrut: Dar al-Fikr li al-Taba'at wa al-Naysr wa al-Tawzi', 2004).

Rujukan Laman Sesawang.

CNN, How to keep clean without using a drop of water, <http://edition.cnn.com/2014/03/10/business/drybath-how-to-keep-clean/>, 2014, dicapai pada April, 2021

Furkan H. Isikgor, C. Remzi Becer, Lignocellulosic biomass: a sustainable platform for the production of bio-based chemicals and polymers, Polymer Chemistry, <http://www.dlionline.org/What-Is-Drycleaning>, 2015. Dicapai pada April 2021.

Drycleaning Institute Of Australia, <https://www.drycleanersweb.com.au/what-drycleaning>, (t.th). dicapai pada Mei 2021.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.